

U B138 AAB

MAHATHIR-BAHASA

KUALA LUMPUR, 14 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN GOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU DI NEGARA INI SUPAYA JANGAN MENJADIKAN BAHASA KEBANGSAAN SEBAGAI SATU BAHAN KONTROVERSI.

BAHASA KEBANGSAAN YANG BERTERASKAN BAHASA MELAYU DAN DIJADIKAN BAHASA RASMI NEGARA TIDAK AKAN MENJADIKAN SESIAPA YANG MENERIMA DAN MENGAMALKANNYA SEBAGAI ORANG MELAYU, KATANYA.

KATANYA PENERIMAAN BAHASA KEBANGSAAN OLEH KAUM-KAUM DI NEGARA INI TIDAK AKAN MENUKARKAN BANGSA KAUM ITU YANG AKAN TERUS DIBENARKAN MENGGUNAKAN BAHASA IBUNDA MASING-MASING.

+IA HANYA AKAN MENENTUKAN SESEORANG ITU MALAYSIAN,+ TEGASNYA KETIKA MERASMIKAN KONVENSYEN BAHASA KEBANGSAAN DI DEWAN TUNKU CANCELOR UNIVERSITI MALAYA DI SINI.

KONVENSYEN SEHARI ITU DIANJURKAN OLEH BIRO KEBUDAYAAN UMNO MALAYSIA DENGAN KERJASAMA GAPENA, KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT, PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA DAN PERSATUAN PENTERJEMAH MALAYSIA. -- LAGI

1056MST 14 07 86

U B144 AAB

MAHATHIR - BAHASA 2 KUALA LUMPUR

MENGAKUI HAKIKAT MEMANG ADA PIHAK YANG SENGAJA TIDAK SUKA MENGGUNAKAN BAHASA KEBANGSAAN, BELIAU BAGAIMANAPUN BERKATA HAKIKATNYA SEKARANG BAHASA KEBANGSAAN SUDAH BERKEMBANG LUAS DI MALAYSIA DAN PENGGUNAANNYA SEBAGAI BAHASA ILMU TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN LAGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEMANDANGKAN SIKAP KERAJAAN MALAYSIA MENGENAI PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN AMAT LIBERAL, MAKA BAHASA KEBANGSAAN TIDAK HARUS MENJADI KONTROVERSI LAGI.

KATANYA APA YANG DIIKTIRAF SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN BUKAN LAGI BAHASA MELAYU TULIN ATAU ASLI, TETAPI ADALAH BENAR-BENAR BAHASA MALAYSIA, SATU BAHASA YANG BARU DAN MODEN YANG BOLEH MENERIMA CABARAN PERKEMBANGAN PENGETAHUAN SEMASA.

INI, KATANYA, DISEBABKAN BAHASA MALAYSIA TELAH DISERAPI OLEH PELEBAGAI BAHASA ANTARABANGSA TERMASUK ARAB, PARSIS, SANSKRIT, PORTUGIS, INGGERIS DAN KINI IA SEDANG DISELARASKAN PULA DENGAN BAHASA INDONESIA.

APA YANG BERLAKU TERHADAP BAHASA MALAYSIA JUGA DIALAMI OLEH BAHASA-BAHASA ANTARABANGSA LAIN DENGAN TIDAK ADA LAGI DALAM DUNIA INI BAHASA YANG TERKECUALI ATAU BERSIH DARIPADA PENGARUH BAHASA-BAHASA LAIN, UJARNYA.

-- LAGI

1123MST 14 07 86

D480

U B145 AAB  
MAHATHIR - BAHASA 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN YANG MASIH TIDAK MEMUASKAN, PERDANA MENTERI BERPENDAPAT SALAH SATU SEBABNYA IALAH KURANGNYA BEBERAPA BIDANG ILMU DALAM BAHASA KEBANGSAAN SEKARANG.

BELIAU MENEGASKAN PENTINGNYA PERPUSTAKAAN BAHASA KEBANGSAAN DIPERKAYA DENGAN ILMU-ILMU DARIPADA BERBAGAI-BAGAI BIDANG KEHIDUPAN TETAPI HENDAKLAH SEHARUSNYA TIDAK BERGANTUNG KEPADA HASIL TERJEMAHAN SEMATA-MATA.

+WALAUPUN TERJEMAHAN ITU BAIK UNTUK MEMPERKAYAKAN ILMU DALAM BAHASA KITA, CERDIK PANDAI KITA SENDIRI HENDAKLAH MEMBUKTIKAN KEMAMPUAN MEREKA MENGHASILKAN KARYA-KARYA MEREKA SENDIRI.

+DENGAN CARA INI, MEREKA AKAN MEWUJUDKAN KEYAKINAN ORANG TERHADAP KEMAMPUAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA ILMU,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MENASIHATI PEJUANG BAHASA KEBANGSAAN SUPAYA TIDAK MENANAMKAN SIKAP NEGATIF DI KALANGAN RAKYAT TERHADAP PENGUASAAN BAHASA-BAHASA LAIN SEPERTI BAHASA INGGERIS DALAM USAHA MEREKA MENCAPAI MATALAMAT MENDAULATKAN BAHASA MALAYSIA. -- LAGI  
1133MST 14 07 86

U B146 AAB  
MAHATHIR - BAHASA 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA PENGUASAAN BAHASA ASING DAPAT MEMPERKAYAKAN ILMU YANG ADA DI DADA RAKYAT MALAYSIA DAN MEMBUKA MATA MEREKA KEPADA ALAM YANG LAIN DARIPADA ALAM TEMPATAN.

SELAIN DARIPADA ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MERASAKAN PENTINGNYA ORANG-ORANG MELAYU MEMPELAJARI BAHASA KAUM-KAUM LAIN DI NEGARA INI SEPERTI BAHASA CINA DAN TAMIL AGAR MUDAH MEMAHAMI KEBUDAYAAN DAN PSIKOLOGI MEREKA.

DENGAN ITU, UJARNYA, KEMUNGKINAN BERLAKUNYA PERBUATAN-PERBUATAN YANG MENYINGGUNG PERASAAN KAUM DAPAT DIHINDAR DAN SEBALIKNYA KEFAHAMAN DITINGKATKAN.

SELAIN DARIPADA MEMPERKAYAKAN ILMU, PEMBELAJARAN BAHASA YANG LAIN DARIPADA BAHASA MELAYU AKAN JUGA MEMPERTAJAMKAN DAYA PEMIKIRAN DAN MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN MENJALANKAN TUGAS HARIAN, KATANYA.

MENGENAI KONVENSYEN ITU, PERDANA MENTERI BERHARAP PARA PESERTA AKAN MENELITI DAN MEMBAHASKAN DENGAN HATI TERBUKA SEGALA ISU YANG BERHUBUNG DENGAN PELAKSANAAN DASAR BAHASA KEBANGSAAN BAGI MANFAAT SELURUH RAKYAT. -- BERNAMA.

1153MST 14 07 86